



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN PENGUASAAN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI KLANG

MUHAMAD FIKRI BIN ABD RAZAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENGURUSAN (PENDIDIKAN KOKURIKULUM)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan pengurusan kokurikulum dan tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar serta hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah. Pendekatan kuantitatif digunakan di dalam kajian ini yang berbentuk tinjauan dan data dikumpulkan melalui soal selidik. Teknik pensampelan rawak berstrata digunakan dan sampel terdiri daripada 310 orang pelajar tingkatan empat di lima buah sekolah terpilih di sekitar Klang. Dapatan menunjukkan tiga daripada empat amalan subdimensi pengurusan kokurikulum di sekolah yang dikaji berada pada tahap tinggi iaitu merancang (min = 3.72, SP = 0.87), mengelola (min = 3.45, SP = 0.99) dan mengawal (min = 3.51, SP = 1.03), manakala memimpin berada pada tahap sederhana (min = 3.29, SP = 1.00). Dapatan juga menunjukkan subdimensi tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar adalah tinggi iaitu kemahiran kerja berpasukan (min = 3.83, SP = 0.68), kemahiran kepimpinan (min = 3.77, SP = 0.66), kemahiran kritikal dan penyelesaian masalah (min = 3.75, SP = 0.64), dan kemahiran komunikasi (min = 3.63, SP = 0.62). Analisis Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan tetapi sederhana antara amalan pengurusan kokurikulum dan penguasaan kemahiran insaniah ($r = 0.46$, $p = 0.01$). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kompetensi guru dalam amalan pengurusan kokurikulum sangat penting dalam membantu kejayaan pelaksanaan aktiviti-aktiviti kokurikulum dan seterusnya dalam pembentukan kemahiran insaniah dalam diri pelajar. Implikasi kajian menunjukkan kompetensi guru dalam pengurusan kokurikulum perlu ditingkatkan supaya penerapan kemahiran insaniah kepada pelajar menjadi lebih sistematik dan berkesan.



THE RELATIONSHIP BETWEEN CO-CURRICULUM MANAGEMENT AND SECONDARY SCHOOL STUDENTS' MASTERY OF SOFT SKILLS IN KLANG

ABSTRACT

The objective of this study was to identify the level of co-curriculum management practices, with the level of students' soft skills mastery and the relationship between the two variables. Quantitative approach was employed in the form of survey and data was collected through questionnaires. Stratified random sampling technique was used to obtain the sample which were made up of 310 form four students from five selected schools around Klang. Based on respondents' perception, findings showed that three out of four co-curriculum management sub dimension practices implemented at the schools involved were at high level. The three sub dimensions were planning (mean = 3.72, SD = 0.87), organizing (mean = 3.45, SD = 0.99) and controlling (mean = 3.51, SD = 1.00). Meanwhile leading sub dimension was found to be at medium level (mean = 3.29, SD = 1.00). The research findings also showed that the students' soft skills mastery level was high with team work skill (mean = 3.83, SD = 0.68), leadership skill (mean = 3.77, SD = 0.66), problem solving and critical thinking (mean = 3.75, SD = 0.64) and communication skill (mean = 3.63, SD = 0.62). Pearson correlation analysis indicated that there was a significant relationship but a moderate one between co-curriculum management practices and the students' soft skills mastery ($r = 0.46$, $p = 0.01$). In conclusion, this study demonstrates that the teachers' competency in co-curriculum management practices is very critical in helping successful implementation of co-curricular activities and subsequently in the development of students' soft skills. The study implies that the teacher's competence in co-curriculum management needs to be enhanced for the inculcation of soft skills in students to be more systematic and effective.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Tujuan / Objektif	13
1.5 Soalan Kajian	14
1.6 Hipotesis Kajian	14
1.7 Kerangka Konsep Kajian	17
1.8 Definisi Operasi	19

1.8.1	Kokurikulum	19
1.8.2	Amalan Pengurusan	19
1.8.3	Kemahiran Insaniah	20
1.8.4	Kemahiran Komunikasi	21
1.8.5	Kemahiran Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah	22
1.8.6	Kemahiran Bekerja Dalam Pasukan	22
1.8.7	Kemahiran Kepimpinan	23
1.9	Batasan Kajian	23
1.10	Kepentingan Kajian	25
1.10.1	Aspek Teoritikal	25
1.10.2	Aspek Praktikal	25
1.10.3	Kepentingan Kepada Pihak Sekolah	26
1.11	Rumusan	28

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	29
2.2	Definisi Pengurusan	30
2.3	Teori dan Model Pengurusan	31
2.3.1	Teori Pengurusan Saintifik-Federick Taylor	32
2.3.2	Teori Organisasi Klasik (Henry Fayol)	34
2.3.3	Teori Birokrasi Max Webber	37
2.3.4	Teori Pendekatan Hubungan Manusia	39
2.3.5	Teori Sistem	42
2.3.6	Model Pengurusan Organisasi Griffin (POLC)	43
2.3.7	Kaitan Teori dengan Kajian	46
2.4	Kokurikulum Sekolah	48
2.4.1	Objektif Aktiviti Kokurikulum	56

2.4.2	Kepentingan Kokurikulum	56
2.5	Kemahiran Insaniah	57
2.5.1	Konsep Kemahiran Insaniah	57
2.5.2	Kepentingan Kemahiran Insaniah	59
2.5.3	Elemen Kemahiran Insaniah	60
2.5.3.1	Kemahiran Berkomunikasi	61
2.5.3.2	Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah	63
2.5.3.3	Kemahiran Kerja Berpasukan/Berkumpulan(TS)	66
2.5.3.4	Kemahiran Kepimpinan	70
2.6	Dapatan Kajian Terdahulu	76
2.6.1	Kajian Berkaitan Pengurusan kokurikulum	76
2.6.2	Kajian Berkaitan kemahiran Insaniah	77
2.6.3	Kajian Berkaitan Hubungan Kokurikulum dan Kemahiran Insaniah Pelajar	79
2.7	Rumusan	81
BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Pendahuluan	82
3.2	Reka Bentuk Kajian	83
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	85
3.4	Instrumen Kajian	88
3.5	Kajian Rintis	92
3.5.1	Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	92
3.5.2	Kesahan Kandungan	93
3.5.3	Analisis Faktor Eksploratori (E.F.A)	98
3.5.4	Keputusan Analisis Faktor Eksploratori	99
3.5.5	Rumusan Analisis Faktor Eksploratori	105

3.6	Prosedur Pengumpulan Data	106
3.6.1	Fasa Pertama	106
3.6.2	Fasa Kedua	107
3.6.3	Fasa Ketiga	107
3.7	Prosedur Menganalisis Data	107
3.7.1	Ujian-t (Sampel tak Bersandar)	110
3.7.2	ANOVA Satu Hala	111
3.7.3	Korelasi Koefisien Pearson	112
3.7.4	Analisis Regresi Pelbagai	113
3.8	Rumusan	115

BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS

4.0	Pendahuluan	116
4.1	Profil Responden Kajian	117
4.2	Amalan Pengurusan Kokurikulum (Soalan Kajian 1)	119
4.2.1	Amalan Subdimensi Pengurusan Kokurikulum Mengikut Sekolah	119
4.3	Penguasaan Kemahiran Insaniah	122
4.3.1	Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar (Soalan Kajian 2)	123
4.3.1.1	Subdimensi Kemahiran Kerja Berpasukan	124
4.3.1.2	Subdimensi Kemahiran Kepimpinan	124
4.3.1.3	Subdimensi Pemikiran Kritikal dan Penyelesaian Masalah	125
4.3.1.4	Subdimensi Kemahiran Komunikasi	126
4.4	Perbezaan Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Berdasarkan Jantina (Soalan 3)	127

4.4.1	Perbezaan Tahap Kemahiran Insaniah Berdasarkan Jantina Pelajar	127
4.4.2	Perbezaan Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Mengikut Bangsa	128
4.5	Amalan Pengurusan Kokurikulum dan Penguasaan Kemahiran Insaniah (Soalan Kajian 4)	131
4.6	Analisis Pengaruh Subdimensi-Subdimensi Pengurusan Kokurikulum Terhadap Kemahiran Insaniah Pelajar (Soalan Kajian 5)	138
4.7	Kesimpulan Dapatan	145
4.8	Rumusan	146

BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.0	Pendahuluan	147
5.1	Ringkasan Kajian	148
5.2	Dapatan dan Perbincangan	151

5.2.1	Profil Responden	151
5.2.2	Mengenal Pasti Tahap Amalan Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah	152
5.2.3	Tahap Penguasaan Dimensi Kemahiran Insaniah Pelajar	157
5.2.4	Tidak Terdapat Perbezaan Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Mengikut Jantina dan Bangsa	164
5.2.4.1	Tidak Terdapat Perbezaan Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Mengikut Jantina	164
5.2.4.2	Tidak Terdapat Perbezaan Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Mengikut Bangsa	165
5.2.5	Hubungan Antara Amalan Pengurusan Kokurikulum dan Penguasaan Kemahiran Insaniah	165
5.2.6	Pengaruh Pemboleh Ubah Bebas (Subdimensi Pengurusan Kokurikulum) Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar (Kemahiran Insaniah)	168
5.3	Implikasi Kajian	169
5.3.1	Implikasi Teoritikal	170

5.3.2	Implikasi Praktis	170
5.3.3	Implikasi Dasar	172
5.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	172
5.5	Kesimpulan	174
RUJUKAN		175
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1	Elemen-Elemen Kemahiran Insaniah 60
2.2	Kemahiran Komunikasi 61
2.3	Kemahiran Berfikir dan Penyelesaian Masalah 64
2.4	Lima Tahap Kemahiran Kerja Berpasukan 67
2.5	Kemahiran Kepimpinan 71
3.1	Maklumat Bilangan Pelajar dengan Populasi Kajian 86
3.2	Panduan Anggaran Bilangan Sampel Berdasarkan Populasi 87
3.3	Agihan Item Berdasarkan Pembolehubah 91
3.4	Maklumat Pakar 94
3.5	Penilai Empat Orang panel Terhadap Item Soal Selidik Bahagian B (Pengurusan Kokurikulum) dan Bahagian C (Kemahiran Insaniah) 95
3.6	Penilaian Pakar terhadap Item Instrumen 97
3.7	Keputusan Analisis Faktor Eksploratori Dimensi Pengurusan Kokurikulum 101
3.8	Keputusan Analisis Faktor Ekplorasi Konstruk Kemahiran Insaniah 104
3.9	Kesahan Konstruk Menggunakan Analisis Faktor 105
3.10	Jadual Markat Purata 109
3.11	Jenis Analisis Data 110
3.12	Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Dua Pemboleh ubah 112
4.1	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina 117
4.2	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa 118

4.3	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Sekolah	118
4.4	Amalan Pengurusan Kokurikulum	119
4.5	Taburan Min dan Sisihan Piawai Subdimensi Merancang	120
4.6	Taburan Min dan Sisihan Piawai Subdimensi Mengelola	120
4.7	Taburan Min dan Sisihan Piawai Subdimensi Memimpin	121
4.8	Taburan Min dan Sisihan Piawai Subdimensi Mengawal	122
4.9	Tahap Kemahiran Insaniah Pelajar	123
4.10	Taburan Min dan Sisihan Piawai Subdimensi Kerja Berpasukan	124
4.11	Taburan Min dan Sisihan Piawai Subdimensi Kemahiran Kepimpinan	125
4.12	Taburan Min dan Sisihan Piawai Subdimensi Kemahiran Kritikal dan Penyelesaian Masalah	126
4.13	Taburan Min dan Sisihan Piawai Subdimensi Kemahiran Komunikasi	127
4.14	Perbezaan Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Mengikut Jantina	128
4.15	Ujian ANOVA Satu Hala Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Merentas Bangsa	129
4.16	Ujian Post Hoc	130
4.17	Ringkasan Analisis Perbandingan Post-Hoc ANOVA Satu Hala Dimensi Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Mengikut Bangsa	130
4.18	Hubungan Antara Amalan Pengurusan Kokurikulum dan Penguasaan Kemahiran Insaniah	133
4.19	Hubungan Antara Dimensi Amalan Pengurusan Kokurikulum dan Subdimensi Kemahiran Insaniah	134
4.20	Hubungan Subdimensi Kemahiran Insaniah dan Subdimensi Pengurusan Kokurikulum	134
4.21	Ringkasan Model Regresi Penguasaan Kemahiran Insaniah	142
4.22	Analisis Multi-Regresi Bagi Meramal Kontribusi Subdimensi Pengurusan Kokurikulum Terhadap Penguasaan Kemahiran Insaniah	142
4.23	Pemboleh Ubah Yang Dikeluarkan	144

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep Kajian : Amalan Pengurusan Kokurikulum dan Hubungannya Dengan Kemahiran Insaniah Pelajar	18
2.1	Model POLC Pengurusan Organisasi	45
2.2	Teori Pengurusan Organisasi Dalam Pengurusan Kokurikulum	47
2.3	Pengurusan Sekolah	52
2.4	Langkah Penyelesaian Masalah Mengikut Polya	65
3.1	Prosedur Kajian	84
3.2	Peringkat Pembinaan Instrumen	93
4.1	Scatterplot menunjukkan Korelasi Amalan Pengurusan Kokurikulum dan Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar	140

SENARAI SINGKATAN

AJK	Ahli Jawatan Kuasa
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CTPS	Critical Thinking Problem Solving
CS	Communication Skill
CVI	Content Validation Index
EFA	Exploratory Factor Analysis
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
IPGM	Institut Perguruan Guru Malaysia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JERIS	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual, Sosial
JNP	Jemaah Nazir Persekutuan
KIM	Kemahirah Insaniah Mesti
KIT	Kemahiran Insaniah Tambahan
KMO	Kaiser-Meyer Olkin
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPTM	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
LS	Leadership Skill
PAJSK	Pantaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PCA	Principal Component Analysis

PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
POLC	Planning, Organizing, Leading, Controlling
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RIMUP	Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SP	Sisihan Piawai
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
SPSS	Statistical Package for Social Science
TS	Team Skill
UNIMAP	Universiti Malaysia Perlis
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- A1 Borang Soal Selidik
- B1 Surat Kelulusan Menjalankan Kajian dari KPM
- B2 Surat Kelulusan Menjalankan Kajian dari JPN Selangor
- C1 Output Regresi



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Akta Pendidikan Negara yang digubal pada tahun 1996 telah mencatatkan bahawa Kurikulum Kebangsaan merupakan program pendidikan yang meliputi aspek kurikulum dan kokurikulum. Menurut Ahmad Esa, Mohd Khir Mohd Nor, Nawawi Jusoh, Norashidah Abd Rahman dan Zalinah Salehon (2015) aktiviti-aktiviti dalam kokurikulum dapat membantu membangunkan pelajar secara holistik melalui lima aspek, iaitu fizikal, emosi, intelek, spiritual dan sosial serta mampu berfikir di luar kotak. Melalui kurikulum sahaja, mungkin agak sukar untuk melahirkan insan yang seimbang dalam semua aspek yang telah dinyatakan. Kurikulum lebih menekankan aspek intelek berbanding aspek lain manakala peranan kokurikulum dilihat sebagai pelengkap kepada kurikulum. Oleh itu, secara langsung dan tidak langsung dapat membantu dalam pembentukan





modal insan negara yang lebih seimbang. Aktiviti di luar bilik darjah ini mempengaruhi perkembangan keseluruhan seseorang murid termasuk aspek kognitif, moral, emosi, spiritual dan budaya. Kokurikulum juga menekankan persaingan yang sihat, kreativiti, kecemerlangan, kesungguhan, keikhlasan dan pelbagai sikap positif yang lain.

Surat pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985 telah memberi panduan kepada pihak sekolah bahawa sekolah mesti memainkan peranan yang melangkaui daripada tugas memberi ilmu pengetahuan sahaja. Sekolah perlu melahirkan pelajar yang mampu menyumbang ke arah kehidupan yang harmonis, hidup dengan bertoleransi, menghormati undang-undang negara dan mempunyai akhlak terpuji serta menjadi warganegara yang menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang memberi fokus kepada anjakan ketiga, iaitu untuk melahirkan warga negara yang memahami dan memiliki nilai-nilai murni dengan membangunkan murid secara menyeluruh. Hasrat ini dapat dicapai melalui program-program seperti “1Sukan, 1Murid, 1Kelab dan 1Badan Uniform” yang bertujuan mencungkil potensi murid di luar bilik darjah.

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah digunakan sebagai rujukan utama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membentuk matlamat kokurikulum. Beberapa hasrat yang hendak dicapai melalui kokurikulum ialah pertama, keseimbangan dalam aspek mental seiring dengan aspek sosial, fizikal dan rohani pelajar. Kedua, mengukuhkan perpaduan antara pelajar terutama pelajar berbilang bangsa. Ketiga, meningkatkan kemahiran pelajar dan mengembangkan potensi pelajar dalam kokurikulum yang disertai. Keempat, mengaplikasi pembelajaran atau teori yang dipelajari di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah bertujuan meluaskan pengalaman





pelajar dan kelima, masa senggang dapat diisi dengan aktiviti berfaedah di samping dapat menyihatkan tubuh badan pelajar serta penerapan nilai-nilai murni dan meningkatkan disiplin diri pelajar.

Dunia tanpa sempadan telah menyebabkan negara berlumba-lumba dalam melahirkan tenaga kerja yang berkualiti bagi memenuhi keperluan pembangunan yang semakin pesat. Menurut Quek (2005) dan Khaled Nordin (2011) aset tenaga kerja yang berkualiti menjadi pemangkin kepada pembangunan negara. Kemahiran teknikal yang diberi keutamaan dalam pembelajaran membantu meningkatkan kualiti sumber manusia namun pasaran tenaga kerja masa kini tidak hanya menekankan kemahiran teknikal tetapi memerlukan sumber manusia yang *multiskill*. Sumber tenaga kerja yang berkualiti adalah sumber manusia yang mempunyai kelulusan akademik dan kemahiran boleh kerja (Mohd Yusof Hussain, Mohamad Satar Rasul, Ramlee Mustapha, Syed Malik Syed Mohamad & Rose Amnah Abd Rauf, 2013). Graduan yang mempunyai kedua-dua kemahiran ini menjadi pilihan majikan masa kini (Riam Chau Mai, 2012). Penguasaan pelajar terhadap kemahiran boleh kerja seperti kemahiran pengurusan diri dan kemahiran bekerja dalam pasukan boleh menjamin kebolehpasaran mereka dalam dunia pekerjaan. Setiap individu perlu menguasai kemahiran insaniah bagi menjadikan mereka modal insan yang berkualiti. Kemahiran generik merangkumi aspek-aspek kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, kemahiran penyelesaian masalah dan kebolehan berkomunikasi dengan baik (Muhammad Izzat Ngah, Siti Zaleha Ibrahim, Zainora Daud, 2017; Pua Poh Keong, 2014). Malah kemahiran ini merupakan elemen yang sangat penting untuk diterapkan kepada semua peringkat pelajar baik di sekolah mahu pun di institusi pengajian tinggi (Wong, Rosnidar Mansor dan Syakirah Samsudin, 2015).





Kokurikulum adalah aktiviti bukan akademik yang mampu membawa pelajar kepada perkembangan diri yang lebih meluas melalui penglibatan dan pengalaman dalam aktiviti yang dirancang. Wong Huey Ling (2007) menyatakan pembangunan ciri-ciri pemimpin dalam kalangan pelajar diperolehi melalui pengurusan kokurikulum sekolah yang baik. Oleh itu, adalah wajar untuk mengkaji hubungan antara amalan pengurusan kokurikulum sekolah dan penguasaan kemahiran insaniah pelajar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mengikut Zainal Ariffin Zainuddin, Yaakob Daud dan Saiful Azmi Mohd Nor (2016) pentadbir sekolah cenderung menonjolkan kecemerlangan sekolah dalam peperiksaan awam berbanding kegiatan kokurikulum walaupun pelaksanaan kokurikulum telah diwajibkan kepada semua sekolah (Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 / akta 550). Hukuman akan dikenakan kepada sekolah yang gagal melaksanakan kokurikulum dan ini merupakan satu kesalahan yang telah dikenal pasti. Walaupun kegiatan seperti persatuan, kelab akademik dan unit beruniform memang telah lama wujud, namun kegiatan ini dianggap seolah-olah sebagai perkara yang remeh kerana pentadbir sekolah hanya fokus kepada usaha-usaha untuk kecemerlangan akademik berbanding kokurikulum (Zainal Ariffin Zainuddin, Yaakob Daud & Saiful Azmi Mohd Nor, 2016). Walau bagaimanapun Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP, 2006-2010) telah dibentuk untuk mengubah keadaan ini daripada berterusan berlaku.





Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah untuk melahirkan sumber tenaga kerja dan insan yang berpengetahuan dan berkemahiran serta sesuai dengan keperluan semasa dan masa akan datang yang penuh dengan persaingan. KPM juga berhasrat membentuk insan yang boleh berfikir, berkebolehan mendepani masalah secara bijaksana, berinovasi dan berdaya saing.

Definisi kokurikulum mengikut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kursus-Kursus Pengajian) Sekolah 1956 adalah kegiatan kumpulan yang termasuk aktiviti kelab dan persatuan bagi subjek tertentu, permainan dan sukan termasuk olahraga. Secara keseluruhannya, pelajar boleh memilih mana-mana daripada 126 jenis kegiatan yang ditawarkan. Kegiatan berkumpul akan menyumbang kepada kemahiran insaniah pelajar. Pelajar yang aktif akan memperolehi manfaat daripada kegiatan kumpulan ini terutama dalam aspek komunikasi dan integrasi dalam kalangan pelajar.

Penyataan di atas disokong oleh Peraturan 2 dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan yang menyebut bahawa:

“Kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah hendaklah merupakan apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang memberikan murid-murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di dalam bilik darjah.”

Peraturan 2 dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 seperti dalam Warta Kerajaan Jilid 42/No.11 (Tambahan No. 41), Perundangan (A)/P.U.(A) 196 bertarikh 21 Mei 1998, ms.3.





Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan sistem pentaksiran yang baru dikenali sebagai Pentaksiran Berasas Sekolah (PBS). Sistem ini digubal selari dengan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). PBS memberi tumpuan kepada penilaian bukan saja pada aspek akademik tetapi juga kokurikulum. Komponen pentaksiran aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK), telah mula dikendalikan pada peringkat sekolah mengikut Lembaga Peperiksaan Malaysia (2014)

Kajian yang dijalankan oleh Norani Mohd Nor dan Noratna Mohamad (2006), terhadap 136 orang responden menunjukkan elemen kemahiran insaniah telah diterap melalui kokurikulum manakala Ahmad Esa (2005), mendapati aktiviti kokurikulum dapat meningkatkan peribadi positif pelajar dan kemahiran komunikasi pelajar. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Ahmad Esa, Kamarudin Khalid, Sarebah Warman dan Aida Ilyani Ali (2014), yang membuktikan bahawa kemahiran kepimpinan boleh diterap melalui kokurikulum Silat Gayung. Mengikut Northouse (2010), pemimpin mesti berupaya memujuk dan menggerakkan orang-orang yang dipimpin untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Pemimpin harus memahami orang yang dipimpin secara mendalam dan cuba mengenali dan mendekati mereka. Keadaan yang sama harus berlaku pada peringkat sekolah, pelajar perlu dibimbing supaya mereka dapat memperbaiki keyakinan diri apabila menjadi pemimpin.

Peranan penting kegiatan kokurikulum dalam proses pendidikan adalah sebagai ejen pengimbang dalam mengembangkan potensi pelajar dalam pelbagai bidang. Hanya kokurikulum dilihat berupaya merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Negara dalam melahirkan insan seimbang dari aspek emosi, jasmani, rohani, intelek dan sosial.





Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) pula telah menjelaskan bahawa kokurikulum mempunyai tujuan mengubah sikap pelajar supaya mereka menjadi lebih bertanggungjawab, mempunyai disiplin diri dan mampu bersosialisasi dengan masyarakat di sekeliling.

Lokman Mohd Tahir dan Osmayati Othman (2010) menyokong pandangan yang mengatakan bahawa kokurikulum sangat penting dalam merealisasikan FPK khusus untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari semua aspek tidak hanya dari aspek intelek. Kajian mereka terhadap pelajar sekolah di Langkawi mendapati bahawa pelajar memperoleh tahap paling tinggi dalam aspek kepimpinan yang mempengaruhi pelajar untuk menyertai aktiviti kokurikulum. Manakala Ab Alim Abdul Rahim (2004), mendapati aktiviti kokurikulum telah membantu meningkatkan minat dan kebolehan pelajar dalam pelbagai bidang. Pelajar juga mempunyai pengalaman berinteraksi dan bekerjasama antara satu sama lain di dalam dan di luar sekolah. Johari Hassan dan Sutinah A. Safar (2010), berpendapat bahawa pelajar yang cemerlang dari aspek pelajaran, kadang kala kurang cemerlang dalam sahsiah diri. Kajian mereka mendapati responden mengakui kesan kebaikan aktiviti kokurikulum terhadap sahsiah mereka. Sandra Anak Mancha dan Anuar Ahmad (2016), mencadangkan supaya komuniti sekolah perlu mengubah persepsi negatif terhadap aktiviti kokurikulum. Peranan guru adalah penting untuk menimbulkan kesedaran kepada komuniti sekolah (pelajar, guru-guru, ibu bapa dan masyarakat sekeliling) tentang polisi sebenar KPM terhadap aktiviti kokurikulum. Dapatan kajian oleh Khaidzir Ismail, Khairil Anwar, Shaharuddin Ahmad dan Jumali Selamat (2010), menunjukkan pelajar menganggap kegiatan kokurikulum tidak bermanfaat kepada mereka kerana guru tidak menilai sumbangan mereka dalam kegiatan ini. Pelajar menganggap kegiatan ini membuang masa mereka sahaja.



Menurut Wong Mei Ling (2008), guru novis kurang pengetahuan dalam pengurusan kokurikulum dan sukan. Beliau mendapati guru kurang upaya melaksanakan aktiviti kokurikulum kerana tidak mahir dalam kemahiran 4K iaitu kebolehan mengurus, kemahiran, kepegawaian dan kejurulatihan. Rata-rata guru hanya menyalahkan pelajar apabila aktiviti kokurikulum tidak dilaksanakan seperti yang dirancang dan keberkesannya juga tidak dipedulikan. Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengedarkan sebanyak 42 Surat Pekeliling Ikhtisas berkaitan kokurikulum sejak tahun 1971 sehingga 2011. Surat ini boleh dirujuk melalui Portal Rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia. Melalui surat ini para pendidik boleh merujuk garis panduan yang telah diberi bagi melaksanakan aktiviti kokurikulum yang dipilih. Berdasarkan Buku Pelan Pembangunan Pendidikan (2001-2010) KPM menerangkan guru sepatutnya digalakkan untuk lebih bertanggungjawab terhadap aktiviti kokurikulum.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Laporan Jawatan kuasa Kabinet 1979 menyatakan bahawa semua aktiviti kokurikulum dapat dilaksanakan dengan berjaya jika guru melaksanakan tanggungjawab dengan jujur dan dedikasi.

Mengikut Zalina Mohd Tahir, Norihan Abu Hassan dan Noraini Othman (2013), kejayaan pelajar dalam kokurikulum boleh direalisasikan melalui pengurusan kokurikulum yang cemerlang oleh guru dan penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Hakikatnya, aktiviti kokurikulum adalah amat penting dalam meningkatkan proses pembelajaran pelajar di samping membaiki sahsiah pelajar bagi menyediakan pelajar menghadapi dunia sebenar di luar sana. Yusnizam Ahmad (2008), menyatakan aktiviti kokurikulum boleh menambah pengalaman dan kemahiran kepada pelajar.

1.3 Penyataan Masalah

Kokurikulum didapati berupaya membina fizikal, emosi dan spiritual pelajar dengan menawarkan pengetahuan baru dan kemahiran yang lebih mencabar berteraskan konsep pendidikan dan pembangunan insan yang seimbang. Penubuhan organisasi pengurusan di sekolah akan memastikan proses pengurusan kokurikulum berada pada tahap cemerlang dengan aspek perancangan, pengelolaan, pelaksanaan dan penilaian diberi perhatian sewajarnya.

Namun, pengurus sekolah kadang kala menghadapi dilema dalam memberi fokus kepada kecemerlangan sekolah dengan memberi tumpuan sama ada kepada kejayaan kurikulum atau kokurikulum. Dalam proses mengejar kecemerlangan akademik, pengurus sekolah kurang memberi perhatian kepada kokurikulum (Norziana Ayob, 2013),. Pengetua dan guru besar cenderung untuk memberi lebih perhatian kepada program pembangunan guru dalam pengajaran dan pembelajaran manakala program untuk mengurus kokurikulum kurang dipentingkan (Mohd Izham Mohd Hamzah & Norziana Ayob, (2015). Lebih banyak masa pelajar juga diperuntukkan kepada mata pelajaran dalam peperiksaan awam sehingga timbul kekangan masa untuk pelajar terlibat dalam aktiviti kokurikulum.

Laporan dalam buku Pembangunan Pendidikan (2001-2010) menunjukkan bahawa pada semua peringkat pendidikan dari sekolah rendah hingga sekolah menengah masih memberi tumpuan kepada kecemerlangan akademik berbanding kegiatan kokurikulum. Jelas sekali, bahawa pengabaian terhadap kokurikulum masih berterusan. Ini sangat berlawanan dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara yang